



boleh cetuskan kemurungan

- Pembelajaran si kecil berpotensi terjejas teruk kerana tidak dapat fokus dengan baik akibat gangguan penglihatan seumpama itu
- Mereka juga sulit untuk menganggar jarak, sukar turun tangga dan melintas jalan
- Ibu bapa disaran membawa anak-anak seawal umur enam bulan untuk membuat pemeriksaan

DISEBABKAN terlalu kuat bekerja, Bazlan Mohd Idris, 53, (bukan nama sebenar) diserang strok. Bukan sekali, tetapi sudah tiga kali kejadian yang sama berlaku. Ujar kontraktor berkenaan, kali ketiga beliau dikejarkan hospital, kondisi kesihatannya agak teruk.

"Saya berada di wad hampir sebulan lamanya. Itu satu hal, namun perkara yang mengejutkan saya, mata sebelah kiri saya rasa 'lain macam'.

"Selepas melihat cermin, saya perasan mata saya menjadi juling," katanya ketika dihubungi baru-baru ini.

Bagi mengulas lebih terperinci tentang masalah juling, *SinarPlus* mewawancarai Ketua Jabatan Optometri & Sains Visual, Fakulti Kesihatan dan Sains Hayat, Management & Science University

tidak dapat bekerjasama disebabkan kekuatan setiap otot adalah berbeza.

"Apabila otak menerima isyarat penglihatan yang berbeza dari setiap mata, hanya isyarat dari mata yang kuat sahaja diterima, tetapi isyarat dari mata yang lemah 'tidak akan dilayan'," katanya.

Secara asasnya, *strabismus* diklasifikasikan kepada empat keadaan iaitu:

- i) Ke arah dalam (*esotropia*)
- ii) Ke arah luar (*eksotropia*)
- iii) Ke arah atas (*hipertropia*)
- iv) Ke arah bawah (*hipotropia*)

Pengesanan awal

Beritahu Fairuz, masalah juling biasanya berlaku ke atas kanak-kanak seawal kelahiran atau kurang dari umur setahun.

Dari sudut perubatan, sebab musabab

tercetusnya isu tersebut adalah faktor kerabunan atau silau yang tidak diperbetulkan terutamanya masalah juling ke dalam (*esotropia*) disebabkan oleh rabun dekat (*presbiopia*).

"Sekiranya kanak-kanak itu mengalami penyakit seperti *Cerebral palsy*, *hydrocephalus*, *Syndrome Down* dan kanser otak yang mana kesemuanya itu berkaitan dengan otak, *strabismus* juga boleh berlaku kepada mereka," terangnya.

Secara keseluruhan, di peringkat global, 2 hingga 5 peratus bayi dan kanak-kanak mengalami mata juling.

Di Malaysia sahaja, sekitar 1.4 hingga 2.2 peratus kanak-kanak berdepan dengan dilema berkenaan.

Justeru, kata Fairuz, ibu bapa disaran membawa anak-anak seawal umur enam bulan untuk membuat pemeriksaan.

"Pengesanan awal boleh dibuat berdasarkan tingkah laku perkembangan bayi atau kanak-kanak kerana impak utamanya adalah koordinasi dan 'keselarian' mata mereka ketika melihat objek," jelasnya.

Bagaimana pula dengan orang dewasa? Jelas Fairuz, golongan berkenaan juga tidak terlepas dengan kondisi itu.

"Jika dalam kalangan warga emas, punca juling boleh berlaku akibat penyakit mata berkaitan penuaan seperti *presbiopia*, katarak atau penyakit-penyakit berkaitan saraf.

Sementara itu, Pakar Bedah di Yale



Bukan sahaja dari sudut pemikiran dan mental, ia juga

boleh memberi impak kepada isu sosial. Apabila berada dalam keadaan ini, mereka akan sulit



Oleh MAZLINA ABDUL MAJID

(MSU), Fairuz Mohd Nordin.

Terlebih dulu, Fairuz menjelaskan, juling atau nama saintifiknya, *strabismus* merujuk mata yang tidak selari berpunca daripada masalah saraf atau otot keliling (mata) yang

krisis kesihatan itu terjadi tidak diketahui. Namun, berdasarkan statistik sahih, 2 hingga 5 peratus berpunca daripada genetik atau keturunan.

Selain itu, salah satu alasan boleh



KANAK-KANAK yang bermata juling sering menjadi mangsa ejekan rakan sebaya mereka. Keadaan itu secara tidak langsung boleh membuatkan mangsa berdepan dengan konflik dalaman seperti sering memencilkan diri, enggan berkawan, jadi penakut dan paling membimbangkan, akan terjadinya masalah kemurungan melampau.

menganggar jarak sehingga sukar turun tangga, susah untuk melintas jalan dan mungkin boleh terjadi kemalangan. Pada masa sama, kepala mereka juga boleh menjadi teleng.”

-Fairuz Mohd Nordin



Rawatan pada umur dewasa tidak sebaik ketika kanak-

kanak. Jika dibiarkan, ia boleh menyebabkan masalah penglihatan itu kekal sehingga mengganggu keyakinan diri si penghidap.”

- Prof Dr Visvaraja Subrayan